

# Resipi rumah tangga berpanjangan

KEHARMONIAN rumah tangga sangat bergantung kepada sikap tolak ansur, keserasian dan menghormati antara suami isteri yang dapat memastikan ikatan suci itu terus kukuh sepanjang hayat.

Rasa sayang sahaja tidak mencukupi untuk mengekalkan rumah tangga tanpa nilai-nilai tersebut.

Setiap pasangan yang berkahwin tidak dapat lari daripada konflik dan ia harus diselesaikan dengan bijaksana.

Menurut **Timbalan Pengarah**

**Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid**, usia perkahwinan yang panjang tidak bermakna pasangan tersebut bebas konflik.

"Namun, memaafkan pasangan yang hadir daripada sikap bertolak ansur merupakan resipi terbaik untuk mengekalkan usia perkahwinan kerana sebagai manusia, kita tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan.



**KARTINI**

"Cintailah pasangan kita tanpa syarat dan terimalah buruk baik mereka," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Tambahnya, jika berlaku salah faham, jangan cepat melenting atau menghamburkan kata-kata yang akhirnya hanya akan dikesali kelak.

Sekiranya tiada kata-kata yang baik untuk dilafazkan, maka diam adalah lebih baik.

Tuturnya lagi, jauhi pertengkaran dan kembali

berbincang apabila suasana agak reda.

"Ada yang meletakkan ukuran satu hingga tiga tahun atau lima tahun sebagai fasa pertama untuk melihat penyesuaian hidup bersama dan selalunya cabaran amat tegar pada fasa ini.

"Jika pasangan berjaya mencari keserasian dan berusaha bertolak ansur dalam banyak hal berkaitan diri mereka dan kedua-dua keluarga dalam tempoh ini, maka keserasian tersebut akan memacu kebahagiaan yang berpanjangan," ujarnya.